

27 FEB 1997

Thailand - Sempadan

MASALAH SEMPADAN MALAYSIA-THAI DIATASI DALAM MASA DUA BULAN

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Malaysia dan Thailand bersetuju supaya masalah penandaan sempadan antara kedua-dua negara diselesaikan dalam tempoh dua bulan akan datang, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Jen Chavalit Yongchaiyudh, hari ini menggarisi dua prinsip yang akan digunakan bagi mengatasi masalah itu.

"Yang pertama ialah menentukan sempadan kekal yang tidak akan berubah akibat kedudukan geografi sungai yang berubah akibat banjir," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat antara Malaysia dan Thailand di pejabat Perdana Menteri di sini.

Prinsip kedua ialah mengambil pendekatan pembangunan bersama supaya mana-mana kawasan yang dipertikaikan di sepanjang sempadan boleh dimajukan bersama untuk faedah bersama.

Abdullah berkata masalah penandaan timbul kerana kedua-dua negara menggunakan sungai sebagai tanda sempadan dan ini menimbulkan masalah kerana kedudukan sungai kadang-kala berubah akibat banjir.

Beliau berkata, sempadan bersama pada masa depan akan berpandukan kepada tanda sempadan kekal walaupun lokasi sungai mungkin berubah lagi.

Abdullah berkata: "Dalam tempoh 60 hari, kita akan mempunyai sempadan kekal."

Beliau berkata apabila perlu membayar pampasan berikutan pertukaran tempat-tempat tertentu antara kedua-dua pihak, beliau berkata butiran mengenai pampasan itu akan disediakan.

"Kedua-dua prinsip ini akan membolehkan kita menyelesaikan masalah-masalah kecil berhubung dengan penandaan di sempadan Malaysia-Thailand," kata beliau.

Setiausaha Tetap Kementerian Luar Thailand Saroj Chavanaviraj yang menghadiri persidangan berita bersama itu berkata bahagian sempada yang dibincangkan hari ini termasuk kawasan Sungai Golok yang tidak tinjau bagi penandaan.

Saroj mengaku bahawa tugas itu sukar tetapi berharap kerja-kerja penandaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Beliau juga berkata Thailand perlu mendapatkan kelulusan muktamad daripada Parlimen negara itu sebelum menerima apa-apa keputusan mengenai penandaan.

Mengenai cadangan membina jambatan oleh kedua-dua negara, Abdullah berkata Dr Mahathir mahukan penyelarasan kerana Malaysia mencadangkan jambatan itu dibina dari kawasan di utara Pulau Pinang dan selatan Kedah ke Songkhla di Thailand sedangkan Thailand mempunyai rancangan yang serupa di wilayah Pattani.

Cadangan Malaysia membabitkan garisan permulaan dengan pembinaan pelabuhan laut dalam dirancang.

Abdullah, bagaimanapun, berkata kedua-dua pemimpin bersetuju supaya jambatan yang dibina harus menyediakan tiga kemudahan utama, iaitu hubungan jalan dan keretapi serta saluran paip gas.

Mengenai pengangkutan darat, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin bersetuju supaya ia diperbaiki bagi memudahkan pergerakan rakyat dan barangan antara kedua-dua negara serta negara jiran yang lain.

Menyentuh hubungan ekonomi, Abdullah berkata Dr Mahathir dan Chavalit bersetuju supaya usaha dijalankan bagi meningkatkan jumlah perdagangan dua

hala dan pelaburan bersama.

Dalam hubungan ini, kedua-dua pihak bersetuju menubuhkan jawatankuasa bersama perdagangan dan majlis bersama perniagaan serta menggerakkan semula Jawatankuasa bersama pertanian.

Abdullah juga berkata Dr Mahathir bersetuju untuk berbincang dengan Petronas berhubung dengan permintaan Thailand untuk membeli gas yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand pada harga yang rendah.

Kepada satu soalan, beliau berkata kedua-dua pihak tidak membincangkan isu pendatang tanpa izin yang memasuki Malaysia melalui Thailand.

Chavalit tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia atas undangan Dr Mahathir. -- BERNAMA

JM MAM RM FAZ